

TARIKH	15 / 05 / 2014	SEKSYEN	GLOBAL
MUKA SURAT	56	RUANGAN	

Saudi arah sekolah buka klinik Mers

RIYADH - Kementerian Pendidikan Arab Saudi mengarahkan semua sekolah menubuhkan klinik kesihatan sebagai langkah membendung penularan virus Sindrom Pernafasan Timur Tengah (Mers).

Menurut kementerian, tujuan tindakan itu adalah untuk menyediakan rawatan dan memberi kesedaran kepada pelajar dan kakitangan sekolah berhubung isu kesihatan tersebut.

"Kempen ini adalah paling komprehensif pernah dilancarkan kementerian kesihatan," kata penasihat kementerian itu, Khaled Mirghalani.

Sementara itu, dua kakitangan di sebuah hospital Florida dilaporkan sakit selepas dipercayai terdedah dengan pesakit Mers. - *Arab News*